



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 19 MEI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, NASIONAL, SH -12 RANGKA STRATEGI TINGKAT SSL BERAS NEGARA, JAMIN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
3.	TERENGGANU SEKAT JUAL TELUR PENYU, WILAYAH, BH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	REZEKI PADA AKHIR BULAN RAMADHAN, SINAR NEGERI, SH -26 BOIKOT BELI AYAM, LOKAL, HM -5 ADA SAMPAI MELONJAK RM13 SEKILOGRAM DI KEDAH, LOKAL, HM -5 WARISAN DONATES FOOD TO TERRITORIAL ARMY REGIMENT, HOME, BORNEO POST (KK) -4 AIDILFITRI PRICE CONTROL SCHEME TO BE ANNOUNCED TODAY, NEWS, THE MALAYSIAN RESERVE -2 KPDNHEP TO RELEASE PRICE CONTROL SCHEME FOR RAYA TODAY - ISMAIL SABRI, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -7 FALSE NAMES, NUMBERS USED TO ENTER BUSINESS PREMISES, HOME, BORNEO POST (KK) -4	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

## Bekalan makanan mencukupi

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan bekalan makanan bagi bahan makanan utama iaitu daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan berada pada tahap stabil dan mencukupi.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, rakyat juga tidak perlu bimbang mengenai bekalan beras di pasaran kerana jumlah stok semasa pengeluaran tempatan dan import adalah stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara yang berterusan.

“Selain bahan makanan utama, bekalan barangan keperluan lain turut mencukupi dan mudah diperoleh.

“Semalam (kelmarin), penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPD-NHEP) telah membuat pemantauan harian ke atas 25 jenis bekalan barangan di 1,003 premis perniagaan termasuk peruncit (823), pemborong (149) dan pengilang (31),” katanya.



# Rangka strategi tingkat SSL beras negara, jamin bekalan makanan

**S:** Sejauh mana sektor pertanian terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

**J:** Di peringkat awal, kelancaran rantaian makanan terganggu. Permintaan produk hasil pertanian terutama daripada sektor perhotelan, restoran, catering, pembuatan makanan dan peruncitan tradisional termasuk pasar tani, pasar pagi, pasar raya serta pasar raya besar berkurangan. Saluran pengedaran dan pemasaran terhad menyebabkan pengurangan permintaan terhadap bekalan makanan.

Rentetan itu, premis pemasaran beroperasi tidak mampu menampung memasarkan hasil pertanian dalam kuantiti besar berpunca penurunan permintaan. Antara isu utama dihadapi termasuk lambakan hasil pertanian di beberapa kawasan, selain masalah penyimpanan dan pemrosesan. Keadaan ini menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kos penyimpanan stok selain meningkatkan risiko kerugian bagi lebih produk yang tidak dapat disimpan serta dipasarkan.

Aktiviti pengedaran dan penerangan sektor agromakanan juga terjejas. Pengoperasian perkhidmatan pada tahap minimum dan majikan terpaksa menghadkan pekerja. Disebabkan ini, pengoperasian syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama yang mengendalikan produk makanan, serta perkeranan syarikat logistik dan pengangkutan turut terjejas sehingga sukar untuk hasil pertanian sampai ke pasaran. Cabaran operasi juga dirasai aktiviti sokongan pertanian seperti penghantaran baja, racun, benih, makanan ternakan, kilang penghasilan kotak telur dan bahan keperluan pertanian lain yang memberi kesan kepada aktiviti pengeluaran dan penyediaan bekalan makanan.

Namun koordinasi antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) berhasil menanganinya dengan baik.

**S:** Apakah pakej rangsangan ekonomi diumumkan kerajaan membantu mengurangkan impak berkenaan?

**J:** Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat memberi perlindungan kepada semua sektor termasuk pertanian. Pembayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) memberi manfaat kepada pengusaha sektor pertanian yang majoritinya kategori B40. Begitu juga

Walaupun kerajaan memberi jaminan bekalan makanan lebih daripada mencukupi, kebimbangan dalam kalangan rakyat khususnya ketika berdepan penularan pandemik COVID-19 masih berlaku.

**Wartawan BH, Zanariah Abd Mutalib, mendapatkan pandangan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang, mengenai isu berkenaan termasuk misi kementerian dalam memastikan kelancaran rantaian makanan negara terjamin.**

pelbagai moratorium pembiayaan dan diskaun utiliti ditawarkan, sudah tentu memberi kelegaan kepada golongan sasar pertanian bagi meneruskan kelangsungan perusahaannya masing-masing.

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Tambahan untuk pengusaha mikro dan PKS pula memberi kesan positif kepada pengusaha agromakanan terutama pengusaha industri asas tani dan agropelancongan untuk terus kekal dalam industri masing-masing.

**S:** Apa usaha kementerian untuk menjamin kelancaran rantaian makanan?

**J:** Kita menggerakkan Program Pasar Segar Terkawal (PST) yang kini beroperasi di 144 lokasi seluruh negara. Pemasaran PST bagi tempoh PKP memberi fokus kepada kaedah pembelian terus, secara dalam talian, pra-tempahan dan pandu lalu.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menggerakkan inisiatif seperti memperluas premis pemasaran Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, Desaraya, FAMACO dan jualan dalam talian melalui Agrobazaar Online, Lazada, Shopee serta pembekalan sayur dan buah kepada pasar raya besar. Nilai keseluruhan jualan melalui agensi terbabit setakat ini melebihi RM180 juta. Hasil jualan FAMA melalui Agrobazaar juga meningkat 15 kali ganda dalam tempoh PKP.

Aspek pemasaran dalam talian turut diperluas kementerian. Dalam hal ini, FAMA memainkan peranan lebih proaktif menjalin kerjasama erat dengan penggiat industri. Inisiatif dilaksanakan termasuk memadankan pengeluar atau pengusaha hasil pertanian di bawah jabatan atau agensi, dengan pengusaha platform e-marketplace sedia ada. Kerjasama juga dijalin dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di bawah Program eRezeki bagi platform perkhidmatan penghantaran. Terdapat 11 syarikat penghantaran secara pukal terbabit program ini serta sembilan syarikat penghantaran runcit.

Kementerian juga mengusahakan insentif pengeluaran kepada petani untuk meneruskan aktiviti penanaman dan mengekalkan be-

## Soal Jawab

kalan makanan. FAMA memainkan peranan menemukan usahawan dengan pengeluar tempatan melalui Program Ladang Kontrak bagi memastikan hasil pertanian dapat dijual. Peserta dalam kalangan petani diberi jaminan harga lantai dengan kuantiti dan kualiti ditetapkan untuk mendapatkan harga berpatutan di peringkat ladang. Ini menjamin pasaran serta membantu petani mendapat modal bagi meneruskan musim penanaman seterusnya.

FAMA juga bekerjasama dengan jabatan serta agensi pengeluar dan mengenal pasti petani yang menghadapi masalah pemasaran hasil dan membuat belian terus di ladang.

**S:** Sejauh mana kedudukan Malaysia dalam isu keselamatan makanan?

**J:** Kedudukan Global Food Security Index (GFSI) negara meningkat daripada kedudukan 40 pada 2018 kepada 28 daripada 113 negara pada 2019 dengan skor 73.8 iaitu pada tahap 'pencapaian baik'. Kedudukan Malaysia lebih ke hadapan berbanding Korea Selatan (29) dan China (35).

Kedudukan pada 2019 juga bertambah baik dari segi kemampuan makanan (daripada 36 kepada 28) dan keberadaan makanan (daripada 38 kepada 42). Bagaimanapun kedudukan keselamatan makanan dan kualiti menurun daripada tangga 36 kepada 42. Walaupun kedudukan ini boleh dilihat agak seses, ada ruang perlu ditambah baik, termasuk perbelanjaan kerajaan ke atas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam agromakanan.

Sememangnya, GFSI bukan satu-satunya instrumen untuk melihat jaminan keselamatan makanan negara kerana kementerian juga melihat dari segi indikator lain seperti tahap sara diri (SSL), imbangan perdagangan (BOT) dan Indeks Harga Pengguna (CPI).

**S:** Apa peranan Jawatankuasa Kabinet Mengenal Jaminan Makanan yang akan ditubuhkan?

**J:** Pada 29 April lalu, Kabinet bersetuju menubuhkan jawatankuasa berkenaan bagi menyelaras strategi serta pelan tindakan dalam menangani isu sekuriti makanan negara untuk jangka pendek, sederhana dan panjang. Jawatankuasa ini juga akan merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara lebih holistik dan mampan bagi memperkukuh keselamatan makanan di semua peringkat rantaian makanan. Ia akan dipenge-

rusikan Perdana Menteri dengan keahlian terdiri beberapa menteri.

Dari segi peranan, ia akan mendapatkan input dan pandangan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli akademik, peserta industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta petani, penternak dan nelayan. Ini bagi memastikan dasar dirangka bersifat komprehensif dan mampu membantu kerajaan menangani isu sekuriti makanan secara berkesan.

Penubuhan jawatankuasa ini bertepatan dalam menjalin tahap sekuriti makanan sentiasa berada dalam keadaan stabil dari aspek ketersediaan, mudah diakses, selamat, berkualiti dan berkhasiat serta mampu diperolehi rakyat sepanjang masa, dalam apa juga keadaan. Jawatankuasa Kabinet ini juga akan memperkukuh dan menyelaras strategi serta pelan tindakan bagi menangani isu sekuriti bekalan makanan negara melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Pada masa sama, kerajaan akan turut menubuhkan satu jawatankuasa eksekutif di peringkat kementerian yang akan dipengerusikan saya sendiri. Jawatankuasa ini berperanan mencadangkan strategi dan pelan tindakan untuk dilaksanakan kementerian, jaba-







**Jawatankuasa ini juga akan merangka Dasar Sekuriti Makanan Negara lebih holistik dan mampan bagi memperkukuh keselamatan makanan di semua peringkat rantaian makanan.**

**Dr Ronald Khande**  
Menteri Pertanian  
dan Industri Makanan

tan dan agensi berkaitan. Ia juga akan mengawal selia dan memantau pelaksanaan keputusan dibuat Jawatankuasa Kabinet.

**S:** Negara masih berdepan isu keselamatan makanan. Apa komen Datuk Seri?

**J:** Melihat kedudukan terkini SSL dan sasaran Kementerian sehingga 2025 (RMK-12), Kementerian sedang bergerak dan berusaha mengurangkan defisit dengan meningkatkan tahap sara diri khususnya bagi komoditi makanan utama negara.

Import makanan negara pada 2019 meningkat 2.5 peratus kepada RM61.4 bilion berbanding RM60.1

bilion pada 2018. Bagaimanapun, defisit dagangan berjaya dikurangkan 6.5 peratus atau RM1.2 bilion pada 2019 berbanding 2018. Pengimportan bahan makanan masih perlu dilakukan bagi menampung kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara terutama bagi bahan makanan tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran beriklim sederhana. Contohnya gandum, bawang dan ubi kentang kerana harganya akan menjadi lebih tinggi daripada diimport selain faktor cuaca negara yang tidak sesuai.

Bagi SSL beras, kerajaan sentiasa memberi perhatian penuh dalam usaha memastikan makanan asas kepada rakyat terjamin setiap masa. Perkara ini dapat dilihat melalui peningkatan SSL beras sejak 10 tahun lalu yang meningkat daripada 63 peratus kepada 70 peratus. Usaha dan pendekatan perlu dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran padi dan SSL beras negara, yang mana sedang diberi penekanan oleh Kementerian bagi mengurangkan tahap kebergantungan terhadap beras import.

**S:** Apa inisiatif digerakkan untuk meningkatkan SSL beras kepada 75 peratus seperti disasarkan?

**J:** Kementerian merangka bebe-

rapa strategi baharu, antara lain meningkatkan produktiviti dan pengurusan sawah melalui beberapa pendekatan seperti pengurusan sawah berskala besar, pertanian pintar serta mengoptimalkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam industri padi. Kita juga menumpukan pembangunan infrastruktur pengairan di kawasan-jelapang dalam RMK-12 termasuk memperkenalkan sistem pengairan dan takungan baharu seperti Sistem Takungan Air Bawah Tanah, sistem pengairan semula dan lain-lain. Kecekapan bantuan input juga dipertingkatkan bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi dengan melaksanakan kajian profil tanah bertujuan mengenal pasti tahap kesuburan tanah dan kesesuaian bantuan baja. Skim subseidi dan insentif pesawah juga direformasi agar lebih berhemat, cekap dan berkesan kepada pesawah bagi mencapai SSL disasar, selain meringankan beban kos pengeluaran ditanggung pesawah.

Prosedur operasi standard (SOP) khusus pengurusan lepas tuai juga dibangunkan bagi membantu pengurangan kehilangan lepas tuai, seterusnya meningkatkan pengeluaran dan pendapatan petani. Aspek R&D juga berterusan melalui pengenalan varieti benih baharu yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit.

**S:** Rakyat masih bimbang walaupun kerajaan beri jaminan bekalan makanan lebih daripada mencukupi?

**J:** Status semasa kedudukan bekalan makanan utama iaitu beras, daging, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan pada tahap stabil dan mencukupi. Stok semasa beras tempatan di peringkat kilang, pemborong dan peruncit berjumlah 584,006 metrik tan. Ini tidak mengambil kira pengeluaran padi tempatan yang berterusan, bekalan import beras yang stabil dan stok peninggalan beras dalam negara.

Kementerian akan terus memantau bagi memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan bulanan negara sebanyak 200,000 metrik tan. Beras turut diimport dari negara penge-

luan seperti Vietnam, Thailand, Pakistan, Myanmar, India, Kemboja dan lain-lain. Kerajaan juga mengarahkan Padi Beras Nasional (BERNAS) memastikan dan mempertingkatkan bekalan beras import dalam negara.

Bagaimanapun, kebergantungan kepada beras import hanya 30 peratus daripada keseluruhan keperluan dalam negara. Sehubungan itu, jumlah stok semasa beras dengan mengambil kira pengeluaran tempatan dan import adalah stabil, terkawal dan konsisten bagi menampung keperluan dalam negara yang berterusan. Rakyat tidak perlu bimbang mengenai bekalan beras di pasaran.

**S:** Apakah sasaran untuk mencapai matlamat SSL dalam pengeluaran makanan?

**J:** Usaha meningkatkan SSL beras negara menjadi agenda berterusan Kementerian ini. Justeru, selain yang dinyatakan seperti pe-

ningkatan produktiviti dan sawah berskala besar bagi tujuan peningkatan SSL, usaha juga akan terus dipertingkatkan melalui penggunaan automasi, mekanisasi dan inovasi tani serta menarik minat golongan bella untuk mengusahakan pertanian menggunakan teknologi baharu seperti dron, kilang tanaman, dan penggunaan aplikasi berasaskan internet kebendaan (IoT) dalam pengurusan ladang, tanaman, pembangunan agro-robotik dan sebagainya.

Kementerian juga akan lebih fokus dalam melaksanakan kursus dan latihan kepada usahawan mikro dan PKS bagi menggalakkan penggunaan teknologi terkini melalui evolusi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) termasuk program berkaitan Teknologi Pemantauan Tanaman dan Agroteknologi 4.0 dron pemetaan untuk aktiviti pembajaan dan pembenihan, sensor kawalan jauh, stesen cuaca, aplikasi telefon bimbit.



**Kerajaan melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan bekalan makanan negara terus mencukupi ketika penularan COVID-19.** (Foto hiasan)



**Kerajaan menerusi kerjasama pelbagai agensi akan terus memastikan bekalan makanan terjamin untuk rakyat.** (Foto hiasan)





# Terengganu sekat jual telur penyu

Kerajaan negeri pinda enakmen elak reptilia dilindungi pupus

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri akan melakukan pindaan ke atas Enakmen Penyus Terengganu 1951 (Pindaan 1987) bagi menghalang penjualan semua jenis telur penyu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman

Ibrahim, berkata kerajaan dan Jabatan Perikanan sudah mengadakan bengkel dalam usaha melakukan pindaan enakmen yang bertujuan menghalang penjualan semua jenis telur reptilia itu.

Beliau berkata, berdasarkan Enakmen Penyus 1951 dan dipinda kali pertama pada 1987 hanya telur penyu belimbing dilarang untuk dijual.

"Pindaan enakmen itu dilakukan bertujuan menyekat penjualan semua jenis telur penyu, termasuk dalam talian dan penjualan secara terbuka di beberapa pasar utama," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan kepada penduduk di Pekan Jabal, di sini, semalam.

Dr. Azman yang juga Ahli De-

wan Undangan negeri (ADUN) Jabal berkata demikian ketika dimintai mengulas kaedah dilakukan kerajaan negeri bagi menangani kegiatan penjualan telur penyu melalui dalam talian dan secara terbuka di beberapa pasar utama di negeri itu.

Mengulas mengenai mengapa hanya telur penyu belimbing dilarang untuk jualan, Dr. Azman berkata, punca utama disebabkan pendaratan penyu spesies berkenaan semakin berkurangan.

"Sebelum larangan itu dikeluarkan kerajaan sebelum pindaan enakmen penyu dipinda pada 1987, tiada lagi pendaratan penyu belimbing direkodkan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut mulai 1983," katanya.



Dr. Azman (kiri) menyampaikan sumbangan kepada penduduk di Pekan Jabal, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Baharom Bakar/BH)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	26

## Rezeki pada akhir bulan Ramadan

**BETONG** - Rezeki tidak diduga lima sekawan nelayan menjadi perbualan netizen setelah mereka berjaya memperoleh sebanyak 7,400 kilogram udang merah di laut Kabong di sini pada Sabtu lalu.

Muliady Shamsudin, 46, ketika dihubungi wartawan *Suara Sarawak* menganggap hasil itu sebagai rezeki

menjelang Hari Raya Aidilfitri yang dijangka disambut pada 24 Mei ini.

Muliady tidak menyangka hasil 40 pukut yang dipasang di laut Kabong berjaya menaikkan udang sehingga membanjiri perahu seluas 10 kaki itu.

“Saya bersama-sama empat rakan seperti biasa turun ke laut untuk memasang pukut di laut Kabong.

“Kami berjaya membawa pulang sebanyak 185 bakul hasil laut ke Maludam tengah hari semalam,” jelasnya sambil tidak putus memanjatkan kesyukuran atas hasil diperoleh itu.

Dedahnya, kesemua hasil itu mencecah keuntungan hampir RM6,000 setelah dijual kepada pemborong dan warga kampung pada harga RM35 sebakul.

Muliady bersama-sama empat rakannya turun ke laut pada jam 12 tengah malam sebelum balik membawa hasil lumayan tersebut ke Maludam sekitar jam 12 tengah hari.

Ujarnya, mereka terpaksa menunggu beberapa jam sehingga air mulai pasang untuk memudahkan perahu yang sarat dengan udang itu memasuki sungai kampung dengan selamat.



Udang merah yang berjaya dinaikkan nelayan lima sekawan di laut Kabong, Sarawak pada Sabtu lalu. Gambar kecil: Muliady.



Okleh Yusmizal Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**B**oikot pembelian ayam. Itu cadangan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna dalam usaha memberi kesedaran kepada industri supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya.

Dengan cara itu, isu kenaikan harga yang berlaku saban tahun ketika musim perayaan dapat diselesaikan secara berperingkat.

Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, biarpun seruan memboikot pembelian ayam atau apa juga barangan yang sering mengalami kenaikan harga boleh diibaratkan sebagai 'siaran ulangan', ia usaha yang praktikal membetulkan keadaan.

Katanya, tidak munasabah sama sekali harga ayam naik lebih RM2 bagi sekilogram ketika harga minyak dan barangan lain turun se-laras dengan perubahan harga pasaran semasa.

"Kita tahu, bukan mudah untuk ajak pengguna boikot beli ayam ketika musim perayaan ini. Tetapi kita di PPIM perjuangkan isu ini kerana perlu ada pendekatan untuk memberi pengajaran kerana tiada asas kenaikan ini.

"Hanya dengan boikot boleh menentukan bahawa pihak peniaga atau pun pemborong lebih bertanggungjawab kepada pengguna," katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, Timbalan



Mohd Yusrizal meminta pengguna boikot membeli ayam untuk membantu mengatasi kenaikan harga.

**Ada sampai melonjak RM13 sekilogram di Kedah**

**Akor Setar:** Harga ayam dijangka terus meningkat menjelang dua hari sambutan Aidilfitri bermula dakuwaan peniaga terpaksa membeli belah ayam pada harga lebih tinggi daripada pembekal.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Besar Alor Setar, semalam mendapati ayam sehingga RM9 sekilogram.

Sekausaha Persatuan Pengguna Kedah (CAME), Mohd Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya menerima banyak aduan berkaitan harga ayam terlalu tinggi sehingga ada mencelah RM13 sekilogram di negeri ini.

Menurutnya, kenaikan itu amat

membebankan pengguna yang terpaksa berjimat disebabkan sebelum ini tidak dapat bekerja akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuat Covid-19.

"Oleh itu, CAME minta kerajaan mengemukakan skim kawalan harga ketika musim perayaan dengan segera bagi menggerak aka pihak yang mengambil kesempatan.

"Harga RM13 bukan seokor ayam, tapi hanya satu kilogram dan itu amat mahal berbanding sebelum PKP cuma RM5 atau RM6 sekilogram sahaja."

Katanya ketika ditemui selepas melakukan tinjauan, di sini, semalam Mohd Yusrizal berkata, peniaga

memberi alasan bahawa pemborong mendakwa mereka sukar untuk mengahantar bekalan kepada peniaga ketika PKP lalu. Menurutnya, apabila kerajaan melonggarkan syarat perlesen Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPBB), mereka pula menaikkan harga untuk menampung kerugian sebelum ini.

"Kita dirakamkan harga ayam Aidilfitri dan ia akan menyebabkan pengguna berdepan bebatan.

"Kerajaan perlu bertindak segera untuk mengatasi masalah ini sebelum Aidilfitri ini kerana ia juga berlaku di seluruh negara," katanya.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusoff Abdul Rahman, tindaikan boikot juga satu pilihan yang ada namun perlu dipastikan bertepatan dalam waktu yang lama.

Katanya, mekanisme itu antara boleh dilakukan ketika pengguna sering menjadi mangsa peniaga yang rakus menaikkan harga.

"Satu lagi, kerajaan boleh jadikan ayam ini sebagai bahan kawalan sepanjang tahun bagi mengelakkan harganya dinaikkan sesuka hati.

"Pengguna ada pilihan, jadi kita perlu gunakan pilihan itu dengan betul. Kalaupun pengguna juga boleh menentulkan keadaan pasaran," katanya.



YUSOFF

Headline	Warisan donates food to Territorial Army Regiment		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 May 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 926
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,778



Max (standing, seventh left) at the presentation of assistance to Kong (standing, third right).

## Warisan donates food to Territorial Army Regiment

**KOTA KINABALU:** Parti Warisan Sabah (Warisan) Kota Kinabalu division donated food assistance to 150 members of the Territorial Army Regiment on May 15.

Warisan Kota Kinabalu Division Wira (Youth) chief, Max

Loong, presented a total of 150 rice bags and daily necessity packs to the army regiment's representative, Major (K) Kong Yu Kiong.

The donation is courtesy of Warisan Kota Kinabalu Division head, Datuk Junz Wong, as a

mark of appreciation towards the frontliners during the Movement Control Order period.

Junz, who is also Agriculture and Food Industry Minister, pledged to make real efforts in distributing food assistance to the needy in his constituency.



Headline	Aidilfitri Price Control Scheme to be announced today		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	19 May 2020	Color	Black/white
Section	News	Circulation	12,000
Page No	2	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Journalist	DASHVEENJIT KAUR	AdValue	RM 1,869
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,608



## Aidilfitri Price Control Scheme to be announced today

by DASHVEENJIT KAUR

THE Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) will announce the Price Control Scheme for the upcoming Hari Raya Aidilfitri celebration, said Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri said he was advised by KPDNHEP Minister Datuk Alexander Nanta Laggi that the ceiling prices of certain items will be revealed today.

"The price of a food item which will be used most for the upcoming Aidilfitri celebration will be controlled with a ceiling price set to it," he said in a daily press briefing yesterday.

Ismail Sabri said as of May 17, KPDNHEP found that the overall supply of essential goods is sufficient and able to meet the needs of the country continuously.

"This was found through KPDNHEP's daily monitoring of 25 types of supply at 1,003 business premises, including retailers (823), wholesalers (149) and manufacturers (31).

"Also, a total of 3,015 price and supply complaints have been recorded through the e-complaint system for actions to be taken," he added.

Ismail Sabri also said actions will be taken if any traders, manufacturers, wholesalers or retailers take an advantage to increase the prices of goods substantially.

According to Ismail Sabri, the Ministry of Agriculture and Food Industry has indicated that the current status of food supply for major food items such as meat, fish, vegetables and fruits are stable and adequate.

"The current volume of rice stocks, taking into account local production and imports, is stable, regulated and consistent to meet the domestic demand. Therefore, the people do not have to worry about the rice supply in the market," he said.

Separately, the minister also said over a thousand commuters attempting to return to their hometowns for Hari Raya celebration were told to turn back.

He said police stopped a total of

1,175 vehicles who tried to cross state borders "with this same excuse".

In total, 24,000 vehicles were checked and 104 people were arrested across 148 roadblocks at state borders on Sunday where a total of 156,096 vehicles were checked.

Meanwhile, 49,019 tertiary students were sent home to be with their families between April 27 and May 17, 2020.

"Some 1,646 higher learning students were sent back to their hometowns on Sunday. A total of 652 students were sent back to Sarawak via four flights from Kuala Lumpur (KL) to Miri, Kuching, Bintulu and Sibul."

"Another 574 students were flown from KL to Kota Kinabalu

by two flights. Students who head back to Sabah will have to undergo swab tests first and those who test negative will be flown back and will be quarantined at home," he added.

Besides that, a flight from Kuching took 160 students to Kota Kinabalu, whereas one shuttle from Bintulu to Kota Kinabalu sent 227 students home.

For intrastate students, 33 students in Sabah were sent back to their hometowns, the minister said.

There are still 7,384 students from Sabah and 2,207 students from Sarawak who have not been sent home from their campuses to Peninsular Malaysia due to the lack of quarantine facilities in Sabah.



Headline	KPDNHEP to release price control scheme for Raya today Ismail Sabri		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	19 May 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	7	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	133 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 907
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,721



## KPDNHEP to release price control scheme for Raya today — Ismail Sabri

**KUCHING:** The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) will announce the 2020 Festive Season Price Control Scheme today in conjunction with the forthcoming Hari Raya Aidilfitri celebration, said Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He said the ministry will closely monitor the price of essential goods such as chicken so that businessmen would not take advantage of the situation to hike prices.

"KPDNHEP will announce the scheme tomorrow (May 19). I have spoken to Minister of KPDNHEP Nanta (Datuk Alexander Nanta Linggi) who will announce the scheme.

"With the scheme, all essential goods including chicken for the coming celebration of Hari Raya will have a ceiling price. So wait for the announcement," he told a press conference in Putrajaya yesterday.

He said this when responding to a reporter who informed that some sellers in Terengganu had hiked the price of chicken to RM19.60 per kilogramme.

Meanwhile, Ismail Sabri said the government has been informed that the supply of essential food is sufficient and able to meet the continuous demand of the country.

He warned wholesalers and retailers not to simply hike prices of essential food and advised the people not to worry about shortage of food supply.

"Like I said, the food supply is sufficient during this Ramadan month."

He also said the Ministry of Agriculture and Food Industry has ensured that the supply of essential food such as fish, chicken and rice in the country is sufficient.

"Not only is the food supply at the various premises sufficient but our stockpiles by suppliers and wholesalers are sufficient too," he said.



Headline	False names, numbers used to enter business premises		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 May 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 449
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,347



## False names, numbers used to enter business premises

**PUTRAJAYA:** The public should not give false names, such 'Badang', 'Superman' and 'Batman', as well as false telephone numbers, when they register to enter business premises, said Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri.

He said it would pose a problem for the authorities to locate them in the event a Covid-19 positive case is detected at the premises concerned.

"I am made to understand that many people did not give their true names and correct telephone numbers. So, if anything happens, it will be difficult to contact them.

"Visitors should give their true names and correct telephone numbers because in case of an emergency that is related to Covid-19 positive case at the place, they can be contacted easily," he told a daily media conference here yesterday.

He said they only need to put down their true names and telephone numbers when registering to enter business premises.

He said there is no need for the people to give their identification card number and home address when registering to enter business premises to avoid misuse of the information.

In another development, Ismail Sabri said the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) would announce the Festive Season Price Control Scheme today for the Aidilfitri celebration which falls next week.

"Its minister, Datuk Alexander Nanta Linggi informed me of the announcement.

The scheme is not only confined to price of chicken, but also for other essential items," he added.

He advised traders to comply with the price stipulated under the Festive Season Price Control Scheme, adding that it is the best mechanism to prevent any quarters from taking advantage of the festive season to hike the price of essential items.

On food supply, Ismail Sabri assured that there is sufficient supply to cope with the country's needs.

"The Ministry of Agriculture and Food Industry (MOA) also reported that the current status of food supply such as meat, fish, vegetables, fruits and rice is stable and adequate," he added.

Meanwhile, he said there were still 7,384 students from Sabah still at their respective campuses in the peninsula as they could not be sent home yet because the quarantine centres provided by the state government could not cope with the huge number of students returning for the mandatory 14-day quarantine.

"However, the Ministry of Health and the Ministry of Higher Education, together with the Sabah government, have decided to make compulsory for all the students who want to return home to take the Covid-19 swab test before they leave.

"Those who are confirmed Covid-19 negative will be allowed to continue their journey home. For those who are confirmed positive, they will be sent to hospital for treatment," he added. - Bernama